

Banjir kilat bukan lagi ancaman

JIKA anda pernah menyusuri Bukit Tunku, Kuala Lumpur yang menempatkan bekas pejabat dan kediaman Perdana Menteri serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang lama, suasana sekitar yang menghijau pasti dapat dibayangkan. Begitu jika anda berada di Perumahan Awam Razak Mansions.

“Lainnya kawasan di sini” itulah kata-kata yang terpacul keluar apabila pertama kali penulis menjejaskan kaki ke kejiranan rumah pangsa yang merupakan antara tertua di Malaysia.

Tiga kediaman rumah pangsa yang dinamakan Sulaiman Court, Perumahan Awam Razak (Razak Mansions) dan Tunku Abdul Rahman (Flat Pekeliling) adalah kediaman pencakar langit yang terawal di Malaysia.

Projek perumahan awam itu merupakan salah satu agenda penting dalam Rancangan Malaysia Pertama (RMK-1) sekitar 1960-an iaitu menyediakan kediaman kepada penduduk bandar raya.

Razak Mansions adalah



PAPAN tanda melarang sebarang aktiviti dilakukan di kolam takungan air Sri Johor.

perumahan yang memiliki nilai sentimental. Ia dibina pada tahun 1962 dan siap pada 1965 dengan jumlah 287 unit rumah satu bilik di 13 blok bangunan.

Sekitar tahun 1970-an, dua blok lagi telah dibina menempatkan 326 unit rumah dua bilik menjadikan jumlah

keseluruhan sebanyak 658.

Kesemua 15 blok rumah pangsa ini sebenarnya dibina di atas tapak lombong bijih timah yang beroperasi sejak zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Kesan peninggalan lombong tersebut masih wujud iaitu di

Kolam Sri Johor yang dijadikan kawasan tebatan banjir.

Razak Mansions turut terkena tempias beberapa siri transformasi termasuklah pembinaan dua blok yang terakhir itu sejak dirasmikan oleh Tun Abdul Razak Hussein selaku Timbalan Perdana Menteri pada 1967.

Terbaharu, kesemua 15 blok itu akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembinaan pangsapuri servis yang lebih luas untuk keselesaan penduduk asal yang telah menginap di situ sejak lebih 40 tahun yang lalu. Projek tersebut dijangka siap pada 2017.

Antara lain, pembangunan semula kawasan perumahan itu dilakukan kerana lebih 3,000 penduduk yang tinggal di rumah pangsa tersebut kerap diancam banjir kilat setiap kali hujan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Razak Mansions, **Ibrahim Ahmad** berkata, masalah banjir kilat itu bermula sejak tahun 1970-an.

Menurutnya, setiap kali hujan lebat, penduduk terpaksa bersiap-siaga untuk menghadapi banjir seperti mengalihkan

perabot dan sebagainya ke tempat tinggi.

“Penduduk begitu risau setiap kali hujan. Ini kerana banjir pasti akan berlaku kerana limpahan air Sungai Kerayong,” katanya sambil memberitahu untuk mengatasi masalah itu, saluran air telah dibina bagi mengalirkan air hujan ke Kolam Sri Johor.

Dalam pada itu, katanya pada 2007, Lebuh Raya Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. (SMART) yang siap dibina telah memberi kelegaan kepada penduduk apabila mampu menyekat banjir.

Bermula tahun ini sehinggalah 2017, penduduk bakal menyaksikan satu lagi detik bersejarah apabila tapak perumahan itu bakal dibangunkan menjadi kawasan komersial.

Penduduk akan dipindahkan ke sebuah pangsapuri servis yang mempunyai tiga blok dengan ketinggian 12 hingga 20 tingkat dan pelbagai kemudahan moden.

KOLAM takungan air Sri Johor di Bandar Sri Permaisuri menjadi ‘penyelamat’ kepada penduduk Razak Mansions yang kerap dilanda banjir kilat.

IBRAHIM AHMAD